

TERBITAN : DEWAN EKONOMI | INFO CUKAI

KELUARAN : MEI 2025

TAJUK : PELAKSANAAN CUKAI MINIMUM GLOBAL

Info Cukai

Oleh: HASIL

Pelaksanaan Cukai Minimum Global

Mulai tahun 2025, suatu bentuk cukai baharu bakal dilaksanakan oleh kerajaan, iaitu Cukai Minimum Global [Global Minimum Tax (GMT)]. GMT merupakan satu daripada langkah penting dalam reformasi percukaian dalam usaha meningkatkan keadilan dan ketelusan amalan percukaian antarabangsa. Suatu kelaziman bagi perusahaan multinasional (MNE) untuk mengalihkan keuntungan mereka ke negara yang menawarkan kadar cukai lebih rendah berbanding dengan negara asal. Fenomena ini bukan sahaja menghakis asas percukaian sesebuah negara tetapi juga memberikan kesan langsung terhadap kestabilan ekonomi negara tersebut.

Malaysia telah mengumumkan penyertaan rasmi dalam pelaksanaan GMT menerusi Belanjawan 2024 selari dengan inisiatif Hakisan Asas dan Peralihan Keuntungan (BEPS) OECD. Ketika pembentangan Belanjawan MADANI pada 18 Oktober 2024, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim turut menegaskan kesediaan kerajaan untuk melaksanakan inisiatif ini bagi memastikan sistem percukaian negara lebih adil dan mampan.

Konsep GMT telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) di bawah rangka kerja Model Peraturan Anti-Hakisan Asas Global [Global Anti-Base Erosion (GloBE) Model Rules (GMR)] sebagai langkah strategik untuk mengekang pengelakan cukai antarabangsa. Malaysia telah memberikan komitmen dalam pelaksanaan inisiatif ini dengan memperkenalkan perundangan GMT melalui pengenalan bahagian baharu (Bahagian XI) Akta Cukai Pendapatan 1967. Perundangan GMT ini berkuat kuasa ke atas sesebuah MNE berdasarkan tahun kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2025.

Garis Masa Pelaksanaan GMT di Malaysia

Perundangan GMT → Bahagian XI, ITA 1967

1. 1.1.2025
Tarikh kuat kuasa
Bagi kumpulan MNE yang mempunyai tempoh penyata kewangan disatukan bermula pada atau selepas 1.1.2025.

2. 31.12.2025
Tarikh tutup
Tarikh penutupan penyata kewangan disatukan bagi kumpulan pertama MNE bagi tahun 2025.
*Bagi tempoh tahun kewangan penuh 12 bulan yang bermula pada 1.1.2025.

3. 30.6.2027
Pengemukakan Borang Cukai Tambahan (TTR), Penyata Maklumat (GIR) dan bayaran cukai tambahan.
*Tempoh Peralihan - Bagi tahun kewangan pertama apabila kumpulan MNE terlibat dalam skema GMT, tempoh pengumuman dan pembayaran adalah dalam tempoh 18 bulan dari tarikh penutupan penyata kewangan disatukan.

4. Januari 2028
Cadangan untuk proses penilaian risiko dan semakan audit.

Pengenaaan GMT adalah terpakai kepada MNE di Malaysia yang memenuhi kriteria seperti yang berikut:

1. Beroperasi sekurang-kurangnya dalam dua wilayah bidang kuasa (jurisdiction) yang berlainan; dan
2. Mempunyai pendapatan tahunan terkumpul minimum EUR750 juta dalam dua daripada empat tahun kewangan terdahulu.

Secara ringkasnya, mana-mana kumpulan syarikat MNE Malaysia yang mempunyai operasi atau anak syarikat di luar negara dan mempunyai pendapatan tahunan terkumpul seperti yang telah ditetapkan adalah tertakluk pada perundangan GMT di Malaysia. Selain itu, anak syarikat kumpulan MNE negara asing yang beroperasi di Malaysia juga adalah tertakluk pada perundangan GMT sekiranya pendapatan tahunan terkumpul kumpulan MNE tersebut mencapai nilai ambang EUR750 juta.

Menerusi pelaksanaan GMT, MNE yang tertakluk boleh dikenakan kadar cukai tokokan sehingga 15 peratus tanpa mengira lokasi ibu pejabat atau tempat operasi mereka. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan pemindahan keuntungan ke negara yang menawarkan kadar cukai lebih rendah, sekali gus memperkuat ketelusan sistem percukaian global.

Pelaksanaan inisiatif ini dijangka bakal membawa perubahan ketara dalam aspek kawal selia, pematuhan dan percukaian syarikat khususnya bagi MNE yang beroperasi di Malaysia. Syarikat yang mempunyai pendapatan tahunan melebihi EUR750 juta tidak hanya tertakluk pada kadar cukai tokokan 15 peratus seperti yang ditetapkan dalam Peraturan GloBE OECD, malah mereka juga perlu menyesuaikan struktur percukaian, strategi perancangan cukai dan pematuhan terhadap keperluan pelaporan cukai baharu.

Walaupun GMT dijangka dapat meningkatkan kutipan hasil cukai, kerajaan juga telah mengambil langkah proaktif untuk mengimbangi kesannya terhadap pelaburan. Kerajaan telah memberikan komitmen untuk mengkaji struktur insentif sedia ada supaya insentif yang ditawarkan di Malaysia adalah selari dengan pelaksanaan GMT selain memastikan daya saing ekonomi negara terus terpelihara.

Pelaksanaan GMT di Malaysia merupakan suatu langkah reformasi yang bakal merubah landskap percukaian negara agar sejajar dengan piawaian antarabangsa. Inisiatif ini bukan sahaja memastikan MNE menyumbang secara lebih adil kepada sistem percukaian negara tetapi juga dijangka mengukuhkan asas hasil kerajaan serta mempercepat pertumbuhan ekonomi yang lebih lestari. Melalui pelaksanaan GMT, Malaysia turut membuktikan komitmen terhadap tadbir urus ekonomi global yang adil sekali gus membantu memperbaiki reputasi Malaysia sebagai destinasi pelaburan stabil dan berintegriti tinggi.

HASiL turut menyediakan maklumat berkenaan pelaksanaan GMT di Malaysia untuk rujukan melalui portal rasmi HASiL atau menerusi pautan pantas melalui <https://www.hasil.gov.my/antarabangsa/global-minimum-tax-gmt/>. Untuk sebarang pertanyaan lain yang berkaitan dengannya boleh dikemukakan menerusi e-mel tf2p@hasil.gov.my.

Peraduan Info Cukai

Oleh: HASIL



Kuiz

Pelaksanaan Cukai Minimum Global

A	K	B	A	V	I	A	T	I	O	N	I	A	A	U	P
E	U	I	E	N	I	L	A	I	T	I	G	M	C	N	A
R	T	S	M	L	C	A	R	U	M	A	N	A	S	O	S
Y	I	K	P	N	A	M	S	A	T	U	D	A	I	A	T
U	P	U	A	P	U	N	S	A	M	B	U	T	A	N	R
S	A	T	U	M	K	I	J	U	E	T	A	P	M	E	T
T	N	P	I	A	W	A	I	A	N	E	U	U	O	U	E
Z	R	N	N	M	U	I	E	O	W	M	I	A	T	I	T
C	I	N	K	L	U	S	I	F	A	A	B	A	I	K	O
M	M	U	L	T	I	N	A	S	I	O	N	A	L	I	K
P	W	R	S	A	T	U	T	U	N	I	A	S	E	L	O
T	N	G	O	H	A	S	I	L	I	M	A	N	D	U	K
D	U	I	T	U	M	P	A	M	A	A	I	R	C	O	A
U	N	G	U	N	A	P	I	E	E	V	R	X	E	O	N
A	T	A	N	A	R	U	B	A	L	E	P	I	O	E	T
P	A	K	U	N	G	K	A	S	T	E	E	T	C	E	O

1. Malaysia telah mengumumkan penyertaan rasmi dalam pelaksanaan Cukai Minimum Global (GMT) menerusi _____ 2024.
2. Tujuan pelaksanaan GMT adalah untuk mengekang amalan mengelak cukai oleh syarikat _____, meningkatkan hasil cukai negara dan memperkukuh ketelusan serta keadilan dalam sistem percukaian antarabangsa.
3. Pelaksanaan GMT di Malaysia merupakan suatu langkah reformasi yang akan mentransformasikan landskap percukaian negara agar sejajar dengan _____ antarabangsa.
4. Syarikat yang mempunyai hasil _____ melebihi EUR750 juta perlu menyesuaikan struktur percukaian mereka, strategi perancangan cukai dan mematuhi keperluan pelaporan cukai baharu.
5. Pelaksanaan GMT diperkenalkan untuk memastikan perusahaan Multinasional (MNE) dikenakan kadar cukai _____ sehingga 15 peratus tanpa mengira lokasi ibu pejabat atau tempat operasi mereka.
6. Kerajaan mengambil langkah proaktif untuk mengimbangi kesan pelaksanaan GMT terhadap _____ dengan mengkaji struktur insentif sedia ada supaya insentif yang ditawarkan di Malaysia adalah selari dengan pelaksanaan GMT selain memastikan daya saing ekonomi negara terus terpelihara.
7. Pelaksanaan GMT dijangka akan meningkatkan _____ hasil cukai dan memperkukuh asas percukaian negara.
8. Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) telah memperkenalkan konsep GMT di bawah rangka kerja Peraturan GloBE _____.
9. GMT terpakai kepada syarikat multinasional yang memenuhi kriteria seperti mempunyai hasil tahunan terkumpul minimum EUR750 juta dalam dua daripada _____ tahun kewangan terdahulu.
10. Maklumat lebih lanjut mengenai pelaksanaan GMT di Malaysia boleh didapati melalui portal _____ HASIL menerusi www.hasil.gov.my atau melalui e-mel menerusi tf2p@hasil.gov.my.

Peraturan

1. Peraduan ini terbuka kepada pembaca majalah *Dewan Ekonomi* berumur antara 15 tahun hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) tidak dibenarkan menyertai peraduan ini.
2. Setiap penyertaan mesti disertakan dengan:
 - (i) Nama:
 - (ii) Alamat Rumah:
 - (iii) Nombor Kad Pengenalan:
 - (iv) Nombor Telefon:
 - (v) Nama Bank:
 - (vi) Nombor Akaun Bank: (Akaun Milik Peserta)
 - (vii) E-mel:
3. Jawapan hendaklah dihantar kepada LHDNM selewat-lewatnya pada 31 Mei 2025 melalui e-mel yang berikut:
 - (i) azizi.mamat@hasil.gov.my
 - (ii) muhammadhisham@hasil.gov.my
4. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan "siapa cepat, dia dapat" dan keputusan jawatankuasa adalah muktamad. Sebarang permohonan rayuan atau bantahan yang dikemukakan tidak akan dilayan.

Hadiah Menarik!

"RM100 Menanti Lima Pemenang yang Tepat dan Terpantas!"